

SOALAN NO : 36

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Tuan Khalid Bin Abd Samad
[Shah Alam]

TARIKH : 2 April 2018

SOALAN : Tuan Khalid Bin Abd Samad [Shah Alam] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah status pelaksanaan National Feedlot Centre (NFC) dan adakah projek NFC ini telah diambil alih oleh mana-mana pihak.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

National Feedlot Centre (NFC) Negeri Sembilan telah dibangunkan untuk mewujudkan rangkaian pengeluaran daging lembu secara perladangan kontrak dengan jaringan pemasaran yang bersepadu di seluruh negara. Berdasarkan keputusan mahkamah pada 11 November 2016, kawasan tersebut telah dikosongkan oleh *National Feedlot Corporation* (NFCorp) pada Bulan Mac 2017 dan dikembalikan semula kepada kerajaan negeri.

Perancangan Kerajaan Negeri dan Persekutuan untuk menjadikan NFC sebagai kawasan pengeluaran pedaging atau ruminan adalah masih relevan. Sebagai langkah awal bagi meneruskan pelaksanaan NFC, Kerajaan Negeri dan Persekutuan telah berbincang dan sedang mengkaji beberapa alternatif lain berkenaan pelaksanaan NFC untuk meneruskan usaha meningkatkan pengeluaran daging negara.